

27/08/1997

Sukan Komanwel perlu pegawai cekap

Hussain Said

MAJLIS Sukan Komanwel mahu persatuan sukan kebangsaan menyediakan latihan secukupnya untuk meningkatkan kecekapan pegawai yang terbabit dengan Sukan Komanwel tahun depan.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata langkah itu perlu kerana tidak mahu ia menjadi bahan pertikaian atlit dan negara peserta.

"Semua atlit yang mengambil bahagian adalah yang pernah terdedah kepada kejohanan berprestij. Jadi, kita tidak mahu kelemahan pegawai sukan yang bertugas, menyebabkan ia menjadi satu isu oleh setiap negara yang bertanding."

"Justeru, saya ingatkan setiap persatuan sukan tidak memandang mudah perkara ini," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sukan Komanwel di ibu negara, semalam.

Menurutnya, persatuan sukan boleh menggunakan kejohanan mini menjelang Sukan Komanwel sebagai medan menguji pegawai, peralatan dan kemudahan.

Mesyuarat semalam juga mengambil ketetapan melantik pakar audio dan video dari dalam dan luar negara bagi melicinkan majlis pembukaan dan penutup.

Muhyiddin turut mengumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju dengan pelantikan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah, sebagai Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankusa Eksekutif itu.

Dia akan berganding dengan Hashim untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Menjelang Sukan Sea di Jakarta, Oktober ini pula, Muhyiddin menuntut semua atlit dan pegawai tidak menimbulkan sebarang masalah yang boleh menjejaskan sasaran 61 pingat emas yang ditetapkan.

"Berdasarkan persiapan yang dijalankan, kita percaya kontinjen kali ini mampu memperbaiki pungutan pingat yang dimenangi di Chiang Mai dua tahun lalu," katanya.

Selain itu, dia mahukan atlit tidak mudah berputus asa dan menampilkan semangat tinggi apabila bertanding dalam acara masing-masing.

"Saya juga mengingatkan atlit supaya tidak memandang mudah keupayaan lawan, terutama dari Vietnam, yang menunjukkan peningkatan mendadak kebelakangan ini," katanya.

(END)